

Malaysia mampu jadi pusat kewangan Islam global

um - 12/9/2006

Kemajuan yang telah kita capai ini telah memberi keyakinan kepada beberapa penerbit bon asing

NOR MOHAMED YAKCOP
Menteri Kewangan II

KUALA LUMPUR 11 Sept. - Malaysia kini mampu menjadi pusat kewangan Islam global memandangkan ia berjaya menerbitkan lebih 70 peratus bon Islam dalam pasaran modal Islam global bernilai AS\$41 bilion.

Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, di peringkat global, Malaysia merupakan negara penerbit bon Islam terbesar di dunia.

"Kemajuan yang telah kita capai ini memberi keyakinan kepada beberapa penerbit bon asing untuk menerbitkan bon mereka di dalam mata wang ringgit dan di pasaran modal negara," katanya ketika berucap pada majlis makan malam sempena ulang tahun ke 10 Majlis Penasihat Syariah (MPS) dan Pelancaran "Buku Keputusan MPS Suruhanjaya Sekuriti Edisi Kedua" di sini, malam ini.

Katanya, ini termasuklah International Finance Corporation, dengan terbitan sebanyak RM500 juta, dan Bank Dunia, sebanyak RM2 bilion.

Nor Mohamed berkata, kerajaan terus bergiat untuk memperkukuhkan lagi kedudukan negara untuk menjadi pusat kewangan Islam terkemuka antarabangsa.

"Kita yakin, dengan infrastruktur kewangan yang efisien dan rangka regulatori yang menyokong pembangunan pasaran modal Islam, Malaysia kini mampu mencapai matlamat ini," katanya.

Justeru itu, kata beliau, adalah penting bagi Malaysia mempertingkatkan lagi usaha-usaha mempromosi dan menarik lebih banyak pelabur ke negara ini.

Menteri Kewangan itu berkata, Majlis

Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti merupakan sebuah badan rujukan tertinggi yang memainkan peranan amat penting dalam memberikan panduan dan membuat keputusan berhubung isu-isu pematuhan Syariah kepada peserta pasaran modal negara.

Dengan usaha dan sumbangan semua pihak terlibat, pasaran modal Islam negara telah mencapai pertumbuhan yang sungguh ketara dan kemajuan yang membanggakan.

"Kemajuan yang telah dicapai bukan sahaja dari segi meningkatkan lagi saiz pasaran, tetapi juga dari segi usaha untuk membangunkan produk-produk baru dan berinovatif.

"Usaha berterusan kita untuk mempelbagaikan lagi produk di pasaran telah berhasil mewujudkan pelbagai produk berasaskan syariah untuk memenuhi keperluan dan pilihan pelabur tempatan dan luar negara," kata beliau.

Nor Mohamed berkata, usaha gigih ini telah dapat menghasilkan pembangunan pasaran bon Islam negara yang telah mencatatkan peningkatan ketara.

Kini, bon Islam negara berjumlah 121 billion ringgit atau 55 peratus daripada keseluruhan jumlah bon korporat yang diterbitkan.

Aset dana amanah Islam pula hampir mencecah RM9 bilion.

Di pihak Kerajaan, katanya pelbagai insentif telah pun diperkenalkan bagi memastikan pasaran modal Islam berkembang.

Insentif-insentif yang diumumkan dalam Bajet 2007 baru-baru ini dijangka dapat menarik lebih banyak pelabur tempatan dan asing, terutamanya pelabur dari Asia Barat untuk melabur dalam amanah pelaburan hartanah (REIT) Islam.

Oleh yang demikian, kata Nor Mohamed, adalah penting bagi Malaysia, sebagai peneraju sistem kewangan Islam, memberi tumpuan yang sewajarnya kepada isu-isu berkaitan dengan penerimaan produk kewangan Islam di kalangan peserta pasaran asing, terutamanya dari Asia Barat.

Beliau berkata, ini bagi memastikan produk-produk Malaysia boleh dipasarkan dan diterima dalam pasaran modal Islam global.

Menteri itu berkata, peranan pakar Syariah amat penting bagi memastikan keseluruhan produk yang dihasilkan benar-benar mematuhi rangka kerja Syariah.

"Justeru, saya berharap ahli-ahli Majlis Penasihat Syariah akan terus maju ke hadapan dalam menyumbang kepada usa-



NOR MOHAMED YAKCOP

ha Kerajaan untuk mengukuhkan lagi pembangunan pasaran modal Islam negara," tegas beliau.